



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PEKELLING
TIMBALAN NAIB CANCELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

Tarikh : 27 Julai 2015

Bil: 2/2015

Ruj: UMS/PP11.3.2/800-1/2/3

**RESEARCHER'S GUIDELINES ON CODE OF PRACTICE FOR
THE CARE AND USE OF ANIMALS FOR SCIENTIFIC PURPOSES**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan pemakaian *Researcher's Guidelines On Code Of Practice For The Care And Use Of Animals For Scientific Purposes* di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-67 yang bersidang pada 7 Julai 2015 telah mengesahkan cadangan mewujudkan *Researcher's Guidelines On Code Of Practice For The Care And Use Of Animals For Scientific Purposes*.

2.2 Penggunaan haiwan untuk pengajaran, penyelidikan atau kajian haruslah berlandaskan Akta Pencegahan Kekejaman kepada Haiwan 1986. Mengikut kod amalan National Institute of Health (NIH) untuk penjagaan dan penggunaan haiwan bagi tujuan saintifik ia perlulah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Haiwan (JEH) Universiti.

2.2 Semua kakitangan Universiti yang ingin menggunakan haiwan untuk pengajaran, penyelidikan atau kajian mesti mendapatkan kelulusan etika dari JEH Universiti sebelum sebarang penggunaan atau penglibatan dengan haiwan, tanpa mengira di mana mereka berada, di mana haiwan boleh ditempatkan atau digunakan, atau sumber pembiayaannya. Semua projek penyelidikan yang dikendalikan oleh pelajar juga mesti menerima pelepasan daripada JEH Universiti.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Dokumen *Researcher's Guidelines On Code Of Practice For The Care And Use Of Animals For Scientific Purposes*.
- b. Borang Permohonan Kelulusan Jawatankuasa Etika Haiwan
- c. Carta Alir Permohonan Kelulusan Jawatankuasa Etika Haiwan

- 3.2 Garis panduan ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Pusat Penyelidikan dan Inovasi di url <http://www.ums.edu.my/ppi/>
- 3.3 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini bolehlah menghubungi Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-67 iaitu pada **7 Julai 2015**.

Sekian, terima kasih.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Yang ikhlas,



PROF. DR. SHAHRIL BIN YUSOF

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Tarikh : 27 Julai 2015

s.k : Naib Canselor
Pendaftaran
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Fail